

BAB LIMA

RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

PENDAHULUAN

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat dan meninjau sejauhmana kemahiran pelajar-pelajar tingkatan satu dalam membaca Al-Quran berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM. Dan kajian ini juga untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran membaca Al-Quran. Kajian yang berbentuk survey ini untuk mendapat maklumat sejauhmana pencapaian pelajar-pelajar dalam pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan, pencapaian sebutan dan pencapaian jawi. Di samping itu telah dikaji juga faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar dalam membaca Al-Quran.

Berdasarkan analisis data yang dibuat bagi menjawab empat soalan kajian, dapatan kajian telah diperolehi. Dalam bab ini akan dikemukakan perkara-perkara berikut:

- A. Rumusan Dapatan Kajian
- B. Perbincangan Mengenai Dapatan
- C. Cadangan Kajian Selanjutnya.

A. RUMUSAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan-dapatan kajian yang diperolehi adalah dirumus seperti berikut:

a) Penguasaan Kemahiran Membaca Al-Quran

Dari segi pencapaian tajwid (bertulis dan bacaan) serta sebutan, dapatan telah menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar tingkatan satu dalam kemahiran membaca Al-Quran secara keseluruhannya masih berada ditahap sederhana, di mana min pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan dan sebutan huruf di dalam lingkungan 50-55 peratus. Dalam pencapaian tajwid bertulis min pencapaian pelajar ialah sebanyak 52.63 peratus, dan min pencapaian tajwid bacaan ialah sebanyak 50.70 peratus, manakala min pencapaian sebutan sebanyak 55.17 peratus.

Daripada ketiga-tiga min di atas menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar tingkatan satu masih ditahap sederhana dan memerlukan banyak latihan di rumah dan di sekolah dalam membaca Al-Quran untuk mempertingkatkan kemahiran membaca Al-Quran.

b) Faktor Pendidikan Ibu Bapa

Dapatan kajian bagi soalan kedua menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendidikan ibu bapa terhadap ketiga-tiga

komponen kemahiran membaca Al-Quran. Nampaknya dalam kemahiran membaca Al-Quran, pendidikan ibu bapa kurang memberi pengaruh ke atas pencapaian pelajar-pelajar dalam membaca Al-Quran. Ini bererti latar belakang pendidikan keluarga bukan merupakan faktor yang penting dalam mempengaruhi pencapaian kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu.

Dapatan kajian juga menunjukkan pendapatan keluarga kurang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran membaca Al-Quran. Daripada dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pendapatan keluarga ke atas pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan, dan pencapaian sebutan.

(c) Faktor Latar Belakang Pendidikan Asas Membaca Al-Quran

Dapatan kajian bagi soalan kajian ketiga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor latar belakang pendidikan asas Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar dengan kemahiran membaca Al-Quran. Terdapat beberapa faktor pendidikan asas Al-Quran yang boleh diukur yang mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca Al-Quran seperti berikut:

- i. Bila masa pelajar tamat membaca Muqaddam.
- ii. Bila masa pelajar tamat membaca Al-Quran.
- iii. Keputusan ujian bacaan Al-Quran semasa tahun enam.

Ketiga-tiga item di atas sebagai pengukur kepada pendidikan asas Al-Quran pelajar sebelum mereka masuk ke tingkatan satu. Kajian menunjukkan ketiga-tiga item tersebut mempunyai hubungan yang signifikan pada aras $P > .05$. Ini bererti pelajar yang mendapat markah yang baik dan cemerlang dalam pencapaian tajwid bertulis, tajwid bacaan, pencapaian sebutan ialah pelajar yang tamat Muqaddam lebih awal, iaitu semasa tahun tiga ke bawah berbanding dengan pelajar yang tamat Muqaddam lambat, iaitu semasa tahun empat ke atas, mereka kurang mendapat pencapaian yang baik dalam kemahiran membaca Al-Quran.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar yang cepat tamat Al-Quran, penguasaan kemahiran membaca Al-Quran mereka baik. Mereka mendapat markah yang tinggi dalam pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan dan pencapaian sebutan, berbanding dengan pelajar yang belum tamat Al-Quran semasa berada di tingkatan satu, mereka lemah dalam ketiga-tiga pencapaian di atas.

Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pelajar yang mempunyai asas pendidikan Al-Quran semasa di sekolah rendah berbanding dengan pelajar yang kurang mempunyai asas pendidikan Al-Quran semasa di sekolah rendah.

Berdasarkan dapatan di atas, peranan Sekolah Rendah Agama adalah penting sebagai membantu pelajar dalam menguasai kemahiran membaca Al-Quran.

(d) Faktor Kebolehan Jawi

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan pelajar dalam pelajaran jawi dengan pencapaian sebutan dan pencapaian tajwid bertulis. Pelajar yang berminat dalam pelajaran jawi semasa tahun enam menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam ketiga-tiga pencapaian dalam kemahiran membaca Al-Quran. Sebaliknya pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran jawi semasa tahun enam, memperlihatkan pencapaian yang rendah dalam kemahiran membaca Al-Quran.

Dapatan menampakkan terdapat kaitan antara kebolehan dalam pelajaran jawi dengan kemahiran membaca Al-Quran. Dapatan juga menunjukkan pelajar yang kurang suka belajar jawi, lebih kerap melakukan kesalahan dalam membaca Al-Quran berbanding dengan pelajar yang sangat suka belajar jawi. Pelajar tersebut kurang melakukan kesalahan sebutan semasa membaca Al-Quran.

Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar yang menyatakan sukar belajar jawi, lebih rendah pencapaian dalam kemahiran membaca Al-Quran di tingkatan satu, berbanding dengan pelajar yang menyatakan tidak sukar belajar

jawi, mereka mendapat pencapaian yang lebih tinggi dalam kemahiran membaca Al-Quran semasa di tingkatan satu.

Dapatan kajian juga memperlihatkan pelajar yang lemah dalam pelajaran jawi semasa tahun enam, juga lemah dalam semua pencapaian dalam komponen kemahiran membaca Al-Quran semasa di tingkatan satu. Manakala pelajar yang baik dan cemerlang dalam pelajaran jawi tahun enam juga mendapat pencapaian yang tinggi dalam pencapaian tajwid bertulis, pencapaian tajwid bacaan, dan pencapaian sebutan dalam tingkatan satu.

Daripada dapatan yang diperolehi dapat disimpulkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan jawi dengan kemahiran membaca Al-Quran. Ini bererti kebolehan dalam pelajaran jawi mempengaruhi kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu.

B. PERBINCANGAN HASIL DAPATAN

Hasil dapatan kajian bagi soalan satu menunjukkan kemahiran membaca Al-Quran pelajar-pelajar tingkatan satu masih berada di tahap kurang memuaskan (sederhana). Dapatan ini menyokong kenyataan yang telah dinyatakan oleh Che Pee Saad (1993), kajian Muhamad Endut (1992), Madlihah (1992), Zainal Abidin (1990), dan Rahman Arshad (1987) yang menyatakan mutu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah masih berada ditahap yang rendah, dan pelajar-pelajar sekolah menengah masih berada ditahap yang rendah, dan pelajar-pelajar sekolah menengah

masih ramai yang tidak mahir membaca Al-Quran. Dapatan kajian di atas juga menyokong dapatan kajian Jemaah Nazir Sekolah-Sekolah Persekutuan (1994) yang mendapati sebanyak 10 peratus pelajar daripada pelajar tahun enam tidak mahir membaca Al-Quran, 40 peratus membaca dengan melakukan kesilapan semasa membaca, sebanyak 50 peratus sahaja yang menguasai kemahiran membaca Al-Quran. Kelemahan dalam aspek membaca Al-Quran ini juga telah didedahkan oleh Zainal Abidin Ahmad (1995), Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, ketika berucap menutup Tilawah Al-Quran Jabatan kebajikan Peringkat Negeri Selangor, menurut beliau:

"Penemuan hampir 60 peratus pelajar Islam kini tidak boleh membaca Al-Quran adalah amat membimbangkan"

(Utusan Malaysia, 10 Januari 1995)

Menurut beliau, kajian mengenai perkembangan itu merumuskan bahawa kelemahan berpunca daripada sikap masyarakat sekarang yang tidak menitikberatkan Pendidikan Al-Quran terhadap anak-anak mereka, kerana mereka terlalu sibuk. Kelemahan juga berpunca daripada guru-guru pendidikan Islam, kerana terdapat guru-guru pendidikan Islam yang tidak berminat atau pun berusaha untuk mendalami ilmu pengetahuan, seperti mempelajari bacaan Al-Quran daripada orang yang pakar dalam bidang tersebut. Pandangan beliau:

"Adalah tidak mencukupi dengan mengharapkan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa belajar di sekolah rendah, menengah dan maktab sahaja yang sudah tentu jauh lebih rendah mutunya".

(Utusan Malaysia, 10 Januari 1995)

Berdasarkan petikan ucapan di atas, maka adalah perlu bagi guru-guru mempertingkatkan kebolehan dengan ilmu yang sesuai dengan keperluan zaman dan keperluan murid. Dari aspek pelajar pula mengikut beliau, terdapat banyak murid Islam mengamalkan sikap tidak peduli terhadap pelajaran Al-Quran kerana tidak diwajibkan dalam peperiksaan. Ini adalah satu gejala dalam pendidikan hari ini, di mana lebih mementingkan peperiksaan daripada pengetahuan dan penghayatan. Beliau menyarankan ibu bapa supaya mengambil daya usaha untuk dapat mengembalikan adat masa lalu, iaitu ibu bapa mengajar anak-anak mengaji Al-Quran sendiri di rumah.

Berdasarkan kelemahan pelajar-pelajar dalam membaca Al-Quran kini, beberapa cadangan daripada tokoh-tokoh akademik menyambut baik cadangan Kementerian Pendidikan yang mahu memperkenalkan membaca dan menghafaz Al-Quran sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum pendidikan negara.

Cadangan ini bertujuan menjadikan generasi muda Islam masa kini dapat menyerap unsur-unsur positif yang terkandung dalam Al-Quran, kerana melalui ilmu-ilmu Al-Quran mereka akan dapat membezakan perbuatan baik dan perbuatan buruk yang dilarang. Cadangan Kementerian Pendidikan

merangka pelan pelaksanaan program mata pelajaran membaca dan menghafaz Al-Quran yang akan dilaksanakan disemua institusi pendidikan rendah, dan pusat pengajian tinggi di negara ini sebagai persediaan melahirkan umat Islam yang berminda Al-Quran pada tahun 2020.

Mengikut pandangan Ungku Aziz (1994) cadangan memperkenalkan mata pelajaran membaca dan menghafaz Al-Quran sangat baik, kerana selain daripada dapat memperbaiki Bahasa Arab dan tafsirannya, mereka juga akan berpeluang mengetahui mesej-mesej yang terdapat di dalam Al-Quran. Menurut beliau, menghayati isi kandungan Al-Quran adalah penting kerana itu setiap pelajar Islam wajib mengetahui apa yang terkandung di dalam Al-Quran sebagai pedoman hidup.

Saranan Ungku Aziz disokong juga oleh Siddiq Fadzil (1994) yang menyatakan:

"Usaha kerajaan melahirkan umat Islam yang berminda Al-Quran dengan memperkenalkan mata pelajaran Al-Quran sebagai subjek baru adalah baik. Apa yang penting ialah bergantung kepada cara pelaksanaannya supaya pelajar menerima mata pelajaran Al-Quran itu sebagai pengalaman yang menyeronokkan dan menggembirakan, bukan sesuatu yang membebarkan. Menurut beliau, jika cara pelaksanaan itu berjalan dengan betul, maka adalah satu kelegaan kepada penuntut untuk menerima mata pelajaran Al-Quran sebagai subjek baru dalam kurikulum pendidikan negara."

(Utusan Malaysia, 4 Oktober 1994)

Pengkaji merasakan adalah baik dan bersesuaian jika pelajar diajar dan didedahkan membaca Al-Quran lebih awal ketika pelajar masih menuntut di sekolah rendah lagi, kerana bukan semua pelajar boleh membaca Al-Quran, bila masuk ke sekolah menengah. Sikap sesetengah penjaga yang kurang mengambil berat masaalah kemahiran pelajar dalam membaca Al-Quran hendaklah dipandang serius. Sekiranya perkara ini dilakukan dan didedahkan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan pelajar, mereka bukan hanya setakat boleh mempelajari Al-Quran, tetapi turut menyayangi dan mencintai Al-Quran.

Hasrat kerajaan dalam mempertingkatkan kesedaran ke arah membaca Al-Quran hendaklah diperlengkapkan, dimanakерajaan pusat memperuntukkan RM126 juta ringgit setahun untuk disalurkan kepada kelas Al-Quran dan Fardu Ain, bagi memastikan kanak-kanak dan para pelajar menerima pendidikan Islam dengan lebih sempurna. Menurut Ketua Pengarah Hal Ehwal Agama Islam, Zainal Abidin (1994) berkata:

"Usaha membangunkan generasi Al-Quran berpandukan ajaran Al-Quran memerlukan kerjasama semua pihak bukan terletak kepada tanggung jawab kerajaan sahaja".

(Utusan Malaysia, 7 November 1994)

Oleh itu umat Islam semua peringkat perlu berperanan secara bersepada mengembeling tenaga untuk menjayakan semua program dan aktiviti ke arah melahirkan warga negara Islam yang boleh membaca Al-Quran,

sihat tubuh badan, beriman, bertaqwa, bermoral dan beramal dengan amal ma'aruf.

Satu cadangan lain yang difikirkan boleh untuk mengelakkan kelemahan membaca Al-Quran dari berterusan, ialah dengan memastikan setiap pasangan remaja yang hendak berkahwin mesti menamatkan bacaan Al-Quran (khatam Al-Quran). Cara ini untuk memastikan generasi akan datang tidak ada masaalah dalam membaca Al-Quran. Pengkaji merasakan cadangan di atas perlu diterapkan kerana pihak kerajaan menyedari sejak kebelakangan ini, masyarakat Islam agak tersisih daripada Al-Quran, malah ada di antara masyarakat Islam yang jahil dalam membaca Al-Quran dan memahami Al-Quran.

Untuk menangani masalah ini, ibu bapa, guru-guru pendidikan Islam serta masyarakat harus memainkan peranan dan sedar tanggung jawab untuk memastikan anak-anak dan pelajar-pelajar mempelajari al-Quran. Ini kerana mempelajari Al-Quran adalah sebagai sumber utama bagi mendekati diri kepada Allah serta melatih anak-anak supaya menghayati ajaran Islam sebagai benteng kepada pelbagai gejala negatif.

Hasil kajian juga mendapati pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga kurang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran membaca Al-Quran. Dapatan dalam kajian kemahiran membaca Al-Quran ini agak berbeza dengan dapatan kajian yang lepas oleh Girad di Perancis (1954),

Ali Haji Mohamed (1972), Koh (1981), Musgrove (1966), yang menyatakan faktor sosioekonomi dan pendidikan ibu bapa mempunyai pengaruh terhadap pencapaian pelajar-pelajar.

Dalam kemahiran membaca Al-Quran nampaknya keadaan ini agak berlainan dengan kajian yang lepas. Namun begitu ada beberapa faktor yang paling berpengaruh di dalam kemahiran membaca Al-Quran ialah pendedahan awal pembelajaran Al-Quran kepada kanak-kanak. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pendidikan asas Al-Quran dengan kemahiran membaca Al-Quran. Pendedahan awal dalam pembelajaran Al-Quran dapat menanam minat kepada penghayatan Al-Quran di kalangan kanak-kanak, dan ia adalah perlu disemai oleh ibu bapa seawal mungkin. Ini dinyatakan oleh Ibnu Khaldun dalam Muqaddimah (Tanpa tarikh:507):

"Al-Quran itu perlu dipelajari dan dibaca oleh kanak-kanak pada peringkat awal, kerana membaca Al-Quran akan menanamkan benih-benih keimanan ke dalam jiwa kanak-kanak."

Oleh itu untuk melahirkan anak yang pandai membaca Al-Quran mengikut perspektif Islam, ibu bapa mestilah membuat perancangan awal, iaitu semasa memilih bakal isteri atau suami (berpandukan Hadis Nabi S.A.W.) yang bermaksud: "Perempuan dikhawini kerana empat perkara: kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah yang beragama: menguntungkan kamu" (Abdul Halim 1991:36). Perancangan juga perlu dalam melakukan hubungan suami isteri, sebelum kelahiran, selepas kelahiran dan

permakanan yang halal serta masa dalam alam persekolahan. Dalam sebuah Hadith Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud: "Setiap bayi itu dilahirkan dengan fitrah (potensi semula jadi) yang baik. Ibu bapalah yang menjadikan anak tersebut Yahudi, Nasrani, atau Majusi" (Riwayat Al-Bukhari).

Hadith ini menjelaskan bahawa ibu bapa atau keluargalah yang menentukan potensi semula jadi kanak-kanak itu mengikut kemahuan dan keupayaan mereka.

Ibu bapa adalah sebagai agen utama mendidik seseorang kanak-kanak. Ibu bapa bukan sahaja memelihara dan membesarluarkan anak-anak sebagai pewaris generasi, tetapi berperanan juga mewariskan nilai-nilai pendidikan dan kebudayaan sesebuah masyarakat itu.

Mengikut Abdul Halim Muhamady (1986:10), untuk lebih berkesan dalam mengajar anak-anak membaca Al-Quran, ibu bapa di rumah mestilah memainkan peranan dengan menggalakkan dan menyuruh anak-anak mengulangi bacaannya di rumah, seperti yang diajarkan oleh gurunya di sekolah. Dengan penerusan bacaan dan ulangan itu, maka Al-Quran tidak akan loput dari ingatan mereka. Inilah yang dikehendaki oleh pendidikan Islam daripada bacaan Al-Quran dan antara tujuan mempelajari Al-Quran.

Nampaknya dorongan dan sikap ambil berat ibu bapa terhadap pendedahan awal kepada Al-Quran penting. Kajian ini menyokong kajian Taha Ab. Kadir (1977) yang membuat penyelidikan mengenai persekitaran rumah

tangga dan pencapaian akademik pelajar-pelajar sekolah menengah, telah menunjukkan adanya pengaruh yang kuat dalam pelbagai pemboleh ubah rumah tangga khususnya sikap ambil berat ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Abdul Halim (1991:128) pula menyatakan persekitaran adalah faktor penting untuk membantu kesuburan, kecenderungan dan penghayatan nilai-nilai akhlak. Usaha untuk membina kemesraan dalam kehidupan keluarga mestilah bermula di rumah dengan kemesraan perhubungan di antara ayah dan ibu terlebih dahulu. Ini dapat dilahirkan dalam bentuk perlakuan, percakapan dan perhubungan yang harmoni dan saling hormat menghormati di antara satu sama lain. Sikap bertimbang rasa di antara satu sama lain dapat mempengaruhi serta menyuburkan nilai-nilai akhlak yang murni dalam diri anak-anak yang memerhatikan persekitaran yang sedemikian. Di samping itu, kedua ibu bapa perlu memberi galakan dan dorongan yang berterusan ke arah pembentukan akhlak yang mulia, terutama dalam perhubungan keluarga .

Penyelidikan di atas juga disokong oleh dapatan kajian Hussien Haji Ahmad (1979) mengenai pencapaian, persekitaran sosial dan ciri-ciri latar belakang pelajar-pelajar yang menunjukkan adanya korelasi yang bermakna antara pengaruh keluarga dengan kejayaan pelajar di sekolah menengah rendah.

Sikap ibu bapa juga merupakan satu aspek yang menjadi pendorong kepada proses pembelajaran dan kejayaan pelajar-pelajar di sekolah. Sikap

terhadap pelajaran ini meliputi minat, galakan dan aspirasi ibu bapa terhadap persekolahan anak-anak mereka. Jika sikap, minat dan dorongan itu baik, besar kemungkinan pencapaian pelajaran anak-anak itu akan tinggi pula (Morrison, 1973), (Rosen, 1961) dan Jawatankuasa Plowden (1967).

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa dalam kemahiran membaca Al-Quran, pendedahan awal kepada pembelajaran Al-Quran serta pertingkatkan latihan membaca Al-Quran di rumah, adalah penting di samping sikap ambil berat, minat yang ditunjukkan oleh ibu bapa, dan dorongan ibu bapa terhadap pembelajaran Al-Quran, boleh membantu pelajar-pelajar menguasai kemahiran membaca Al-Quran.

Adalah dicadangkan ibu bapa menyediakan bahan-bahan bacaan Al-Quran di rumah, seperti pita rakaman yang mengandungi ayat-ayat muqaddam dan Al-Quran yang mudah dan menarik minat anak-anak kepada membaca dan mengulangi Al-Quran. Dengan cara ini diharapkan dapat membantu anak-anak dalam membaca Al-Quran.

Hasil dapatan kajian tentang kebolehan jawi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kebolehan dalam mata pelajaran jawi dengan pencapaian kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu. Ini bermakna pelajar yang berminat dalam pelajaran jawi, menunjukkan pencapaian yang tinggi dalam ketiga-tiga komponen kemahiran membaca Al-Quran.

Dapatan kajian ini bertepatan dengan dapatan kajian oleh Ghazali Hassan (1982), Amir Mohd Rashid (1991), Muhamad Endut (1992) yang menyatakan kelemahan dalam kemahiran jawi menyebabkan lemah juga dalam kemahiran membaca Al-Quran. Manakala Awang Mohd Amin (1989) telah membentangkan dapatan kajianya dalam sebuah forum yang bertajuk "Tulisan Jawi Ke arah Penggunaan Yang Lebih Meluas Dan Berkesan" menunjukkan punca-punca kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran jawi seperti berikut:

- i. Peruntukan waktu bagi pelajaran jawi tidak mencukupi.
- ii. Mata pelajaran jawi tidak termasuk dalam mana-mana peperiksaan rasmi seperti peperiksaan tamat sekolah rendah, peperiksaan PMR, SPM dan STPM.
- iii. Pelajar kurang berminat terhadap tulisan jawi kerana ejaan yang sukar, payah membentuk huruf, tidak masuk dalam peperiksaan dan semua buku teks dalam tulisan rumi.
- iv. Ibu bapa juga berperanan dalam menentukan penguasaan dan pencapaian jawi di kalangan pelajar.

Dapatan kajian ini menunjukkan kelemahan dalam jawi ada kaitan rapat dengan kelemahan dalam pendidikan Islam dan dalam membaca Al-Quran dengan korelasi yang tinggi laitu $r = 0.55$. Ini kerana kebanyakan buku-buku teks pendidikan Islam (KBSM) dicetak dalam tulisan jawi. Ini bererti jika pelajar tidak menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi, pemahaman,

penghayatan dan pencapaian mereka dalam pendidikan Islam akan terjejas, dan minat mereka untuk mengikuti pelajaran pendidikan Islam akan menurun, kerana mereka tidak boleh menulis dan membaca jawi.

Kemahiran jawi ini penting dikuasai oleh pelajar-pelajar kerana ia dapat membantu memudahkan pelajar mempelajari Al-Quran seperti mana yang dinyatakan dalam falsafah tulisan jawi sistem MAPRA (1991):

"Tulisan jawi merupakan satu warisan bangsa Melayu yang dibina berdasarkan huruf-huruf Al-Quran yang dapat membantu pembelajaran Al-Quran".

Cadangan di atas, dipersetujui oleh Awang Had Salleh (1994) yang berpendapat bahawa tulisan jawi akan hanya dapat diselamatkan dengan sokongan Kementerian Pendidikan dan berpendapat:

"Adalah merugikan jika generasi akan datang tidak menguasai tulisan jawi".

(Utusan Malaysia, 4 Mei 1994)

Bagi pelajar-pelajar Islam sangat perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi bagi membantu memudahkan mereka membaca Al-Quran dan memahami buku-buku agama Islam yang kebanyakannya dalam tulisan jawi. Tambahan pula sejak Kurikulum KBSR dan KBSM diperkenalkan, semua buku teks Pendidikan Islam dicetak dalam ejaan jawi. Ini bererti jika pelajar-pelajar tidak menguasai ejaan jawi, pemahaman, penghayatan dan pencapaian dalam bacaan Al-Quran juga turut terjejas. Minat untuk mengikuti dan

mempelajari bacaan Al-Quran akan berkurangan kerana mereka sukar mempelajarinya disebabkan tidak boleh membaca dan menulis jawi.

Daripada kajian-kajian dan pandangan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa kelemahan dalam kemahiran membaca Al-Quran adalah satu sebab berpunca daripada kelemahan dalam membaca dan menulis jawi di kalangan pelajar hari ini. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar yang lemah dalam jawi, ternyata lemah juga dalam kemahiran membaca Al-Quran, dan sebaliknya pelajar yang berminat dalam membaca dan menulis jawi, mendapat pencapaian yang tinggi dalam kemahiran membaca Al-Quran.

Oleh itu Abdul Rahman Yop (1992) wakil Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan dalam ucapan perasmian Majlis Penutup Pertandingan Seni Khat dan Membaca Jawi Sekolah-Sekolah Peringkat Wilayah Persekutuan telah menyatakan:

"Kebolehan menguasai jawi merupakan satu kelebihan yang tidak seharusnya dipersia-siakan begitu sahaja. Kita harus memandang serius terhadap kemerosotan jumlah pelajar yang boleh menguasai bahasa itu. Semua pihak harus mempertingkatkan usaha supaya di masa akan datang tulisan jawi yang merupakan aset tunggal orang Melayu tidak pupus begitu sahaja".

(Utusan Malaysia, 20 Oktober 1992)

Dari kenyataan di atas, menunjukkan telah wujud kesedaran dari pelbagai pihak terhadap kemerosotan kemahiran jawi di kalangan pelajar di sekolah. Ini seperti pandangan Ungku Aziz (1994) menyatakan seperti berikut:

"Kementerian Pendidikan sepatutnya memulihkan tradisi pembelajaran tulisan jawi kerana usaha tersebut penting untuk memastikan tulisan jawi tidak terus pupus".

(Utusan Malaysia, 4 Mei 1994)

Pandangan di atas dipersetujui oleh Zainal Abidin Abdul Kadir (1991)

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, menyatakan harapannya bahawa generasi kini yang bakal menjadi pemimpin generasi tahun 2020 nanti akan terus menghargai tulisan jawi sebagai tulisan yang mempunyai nilai seni yang unik. Beliau juga menegaskan bahawa setiap orang umat Islam mesti boleh membaca jawi dengan baik kerana ia adalah tulisan Al-Quran.

Pernyataan di atas selaras dengan pandangan Pengetua Sekolah Islam di China, Mosa Jin Bao Ping (1994) yang menyatakan:

"Amat sukar untuk menghayati Al-Quran jika seseorang tidak memahami tulisan jawi, walaupun tulisan Mandarin digunakan di sekolah-sekolah kerajaan di China, namun tulisan jawi dipelajari di madrasah-madrasah"

Dari pandangan dan kajian yang dijalankan, dapatlah disimpulkan bahawa pengajaran jawi di sekolah adalah sangat penting dalam usaha menyelamatkan dan meningkatkan penguasaan jawi di kalangan generasi pelajar. Tambahan pula dengan menguasai kemahiran jawi, membantu pelajar menguasai kemahiran membaca Al-Quran, kerana huruf-huruf dalam ejaan jawi ada kesamaan dengan huruf-huruf dalam Al-Quran.

C. CADANGAN UNTUK PENYELIDIKAN LANJUT

Kajian bentuk kajian kes yang dijalankan terdapat beberapa batasan yang mengawal hasilan kajian. Berdasarkan batasan kajian ini, dikemukakan beberapa cadangan untuk dijadikan pertimbangan bagi penyelidikan selanjutnya. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian ialah:

(I) Pemilihan Sampel

Sampel yang dipilih dalam kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah di Daerah Gombak. Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan satu di sekolah menengah kebangsaan tersebut sahaja yang dipilih menjadi sampel kajian. Sampel ini tidak dapat mewakili semua pelajar tingkatan satu atau pelajar sekolah menengah rendah seluruh negara, oleh kerana sampel yang dipilih adalah kecil, hanya sebuah sekolah menengah kebangsaan di Daerah Gombak. Kajian ini juga tidak meliputi sekolah kebangsaan Agama. Kajian yang serupa boleh dijalankan dengan mengubah angkubah sampel. Beberapa aspek yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:

- Merangkumi tingkatan satu hingga tiga (menengah rendah)
- Sekolah menengah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan agama sebagai perbandingan.
- Penempatan sekolah menengah bandar dan luar bandar.
- Taraf sosioekonomi tinggi/ sederhana/ rendah.
- Pencapaian tinggi/ sederhana/ rendah.

(II) Bilangan Sampel

Bilangan sampel yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 60 orang.

Bilangan ini boleh dikatakan bilangan yang kecil. Kajian akan menjadi lebih bererti jika penyelidikan lanjut meluaskan jumlah sampel. Dengan bilangan sampel yang lebih meluas, dapatan yang diperolehi akan dapat memberi dapatan dan gambaran yang lebih menyeluruh.

(III) Kemahiran Yang Dilajui

Dalam kajian ini pengkaji hanya untuk menguji pelajar dalam aspek tajwid bertulis, tajwid bacaan dan aspek sebutan huruf serta hubungan kemahiran jawi dengan kemahiran membaca Al-Quran. Kajian lanjut boleh dijalankan mengenai aspek-aspek lain dalam kemahiran membaca Al-Quran seperti sejauh mana pelajar-pelajar mengetahui sifat-sifat huruf dan hubungannya dengan kemahiran membaca Al-Quran, mengenai tempat wakaf, penggunaan baris dan tanda dalam Al-Quran dan pelbagai aspek lagi mengenai kemahiran membaca Al-Quran.